

# **Jurulatih kokurikulum UMSKAL hadiri Bengkel Kejurulatihan**

**UB 8.9.2014 A3**

**LABUAN:** Bahagian Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangs Labuan (UMSKAL) telah menyertai Bengkel Kejurulatihan 2014 di Bilik Seminar universiti itu kelmarin.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Pengarah PKPP UMS Prof Madya Dr Raman Nordin dan Ketua Bahagian Perhubungan Korporat UMS Azmi Jumat.

Turut hadir Ketua Bahagian PKPP UMS Labuan Che Din Md Salleh.

Raman berharap semua jurulatih akan menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab demi manfaat mahasiswa.

Beliau turut meminta kerjasama semua jurulatih yang terdiri daripada pensyarah, jurulatih dan demonstrator memastikan semua mahasiswa menghadiri program, aktiviti dan kuliah kursus Semester 1, Sesi 2014/2015.